

05 OCT 2000

Hamid-Akidah

KAJIAN UNDANG-UNDANG AKIDAH MEMAKAN MASA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Cadangan mewujudkan Undang-undang Pemulihan Akidah akan mengambil masa kerana ia merupakan sesuatu yang baru dalam sistem perundangan negara, malah negara-negara lain juga tidak mempunyai undang-undang sedemikian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata tiada negara lain yang mempunyai undang-undang sedemikian yang boleh ditiru dan digunapakai di Malaysia.

"Walaupun kita dah jumpa menteri-menteri agama dari luar negara semasa Persidangan Antarabangsa Panduan Haji minggu lepas, mereka juga nampaknya tidak mewujudkan undang-undang berkenaan.

"Yang ada cuma kegiatan memberi bimbingan, penerangan dan dakwah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 50 kakitangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Mawip) di sini hari ini.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata bahawa rang undang-undang pemulihan akidah itu memerlukan kajian terperinci sebelum dilaksanakan.

Abdul Hamid berkata pelaksanaannya masih belum dapat dilakukan kerana "masa tidak begitu sesuai".

"Kita sedang mengkaji semula cadangan ini dan cuba mencari jalan paling baik untuk menyelesaikan penyelewengan akidah di kalangan umat Islam negara ini secara matang," katanya.

Abdul Hamid juga berkata sebuah hospital yang dilengkapi dengan peralatan moden dan merupakan projek Mawip yang bakal dibina di Jalan Tun Razak di sini akan dinamakan Hospital Pusrawi.

Ia sempena nama asalnya Pusat Rawatan Islam yang fungsinya sebagai pusat rawatan akan dinaikkan taraf kepada sebuah hospital umum.

"Kita cuba elakkan nama Hospital Islam sebab takut orang terkejut. Jadi, kita akan kekalkan nama Pusrawi. Jadi, orang Islam ke, bukan Islam ke, boleh jadi pekerja ataupun mendapatkan rawatan di hospital ini," katanya.

Hospital itu menawarkan khidmat hospital biasa seperti untuk bersalin, pembedahan dan rawatan lain dan bukannya perkhidmatan pakar yang memerlukan belanja penyelenggaraan yang agak mahal.

Sebagai tambahan, sebuah hotel bertaraf tiga bintang yang mempunyai 103 bilik juga akan dibina bersebelahan dengan hospital itu untuk kemudahan anggota keluarga pesakit terutamanya yang datang dari jauh.

Upacara pecah tanah tapak hospital dan hotel itu yang terletak bersebelahan Perpustakaan Negara dan bertentangan dengan Institut Jantung Negara akan dijalankan Isnin ini. Projek itu memakan masa selama satu setengah tahun untuk disiapkan.

Abdul Hamid berkata caj yang akan dikenakan bagi setiap rawatan di hospital tersebut adalah sederhana dan bersesuaian dengan objektif penubuhannya yang tidak bermatlamatkan keuntungan.

-- BERNAMA

NHA ES MAI